

Peranan Juru X-ray dan Cabaran dimasa hadapan

Zainul Ibrahim Zainuddin
Penolong Professor
Kulliyyah Sains Kesihatan Bersekutu
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Hari Kerjaya
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
22 Julai 2009
Universiti Darul Iman (UDM)
Kuala Terengganu

Pengenalan


- Penemuan X-ray : Wilhelm Roentgen 1895
- Pemasangan mesin X-ray pertama di Asia Tenggara : Taiping, Perak Febuari 1897
- Mesin X-ray lengkap: Hospital Ipoh Oktober 1897
- Hospital Kuala Lumpur Febuari 1910 dan Hospital Pulau Pinang pada tahun yang sama.
- Sekolah Radiologi (Juru X-ray) pertama didirikan di Hospital Besar Kuala Lumpur pada 1963 dengan 14 penuntut bagi sesi pertama



Peranan Juru X-ray

- Peranan Hakiki:

Menghasilkan imej-imej yang berkualiti yang akan membantu para doktor untuk mencapai suatu diagnosa (terhadap sesuatu keadaan yang dialami pesakit) pada tahap risiko yang paling rendah dengan mengambil kira keadaan pesakit dan peralatan yang ada.



Kesedaran :

Juru X-ray adalah sebahagian daripada pasukan perubatan yang bertanggungjawab untuk memastikan pesakit berhak mendapat mutu perkhidmatan yang terbaik semasa pesakit berada dibawah jagaan mereka.

Penghasilan imej-imej yang berkualiti

- Memerlukan analisa kritikal bagaimana menghasilkan imej yang berkualiti berdasarkan:
 1. tujuan pemeriksaan : apa yang perlu ditunjukkan dalam imej untuk membantu diagnosa
 2. teknik yang digunakan: kesesuaian teknik bagi memenuhi tujuan pemeriksaan dengan mengambil kira keadaan pesakit


Risiko

- Tidak mendatangkan kecederaan yang lain atau mengancam keselamatan pesakit sebelum, semasa dan selepas melakukan pemeriksaan. (*Not to bring extra harm to the patient*).
- Mengurangkan risiko radiasi kepada pesakit dengan mengambil kira konsep2:
 - “As Low As Reasonably Acceptable” dan “Benefits against the risks” : parameter pendedahan dan lain-lain
- Mengurangkan risiko-risiko terhadap MRI, media kontras, dan infeksi.

Peranan lain – Sikap profesional

- Tidak mempunyai sikap “personal bias” (berat sebelah) atau prejudis terhadap mana-mana individu samaada atas nama keluarga, warna kulit, kaum, status dalam masyarakat atau ugama.
- Menghormati setiap pesakit didalam konteks “hak pesakit”
 - “Privacy” (peribadi) dan “Confidentiality” (kerahsiaan) pesakit
 - hak pesakit untuk mendapatkan perkhidmatan terbaik: baik dari segi layanan, komunikasi, dan lain-lain

- Membuat penilaian terhadap sesuatu kes itu berdasarkan penilaian profesional yang jitu dan autonomi
- Mempunyai komitmen untuk pembelajaran profesional berterusan – seminar, konferens : dalam meningkatkan lagi perkhidmatan
- Mengadakan ruang untuk mengkaji cara-cara untuk menambah baik perkhidmatan



Cabaran masa kini

- Pendekatan kerajaan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan – teknologi digital
- Juru x-ray (sektor swasta) – penekanan terhadap “skil pelbagai” (Multiskilling”
- Ruang untuk kenaikan pangkat dalam perkhidmatan kerajaan – adakah kelayakan iktisas mencukupi?

Kurikulum Juru – X-ray

- Mengalami perubahan yang ketara sesuai dengan peredaran masa bagi melengkapkan graduan Juru-x-ray didalam:
 - memperlengkapkan diri bagi menghadapi cabaran semasa dan akan datang
 - perubahan teknologi
 - perubahan persepsi pesakit kepada perkhidmatan perubatan
 - kepentingan aspek keselamatan terutama risiko radiasi
 - peningkatan kos rawatan

- Perubahan kepada kurikulum di Malaysia: dari peringkat Sijil (Sijil Teknologi X-ray kepada Diploma X-ray, seterusnya kepada Sarjana Muda.
- Perubahan ini adalah bagi memenuhi keperluan melahirkan profesional-profesional yang mempunyai keupayaan “critical thinking” yang tinggi sesuai dengan perubahan semasa dan yang dijangkakan dimasa depan.

Cabaran – cabaran masa depan buat pelajar-pelajar jurusan Radiografi

- Peluang pekerjaan yang semakin kompetitif
- Meneruskan agenda untuk memastikan tahap profesional peribadi sentiasa mantap – supaya profesion relevan dengan keadaan semasa
- Memastikan komitmen peribadi untuk mempertingkatkan pengalaman dan ilmu pengetahuan dalam bidang pengimejan perubatan adalah selari dengan peredaran teknologi dan permintaan persekitaran.

Kesimpulan

- Harus sedari peranan hakiki bagi menjamin kesinambungan profesional.
- Membuat persediaan awal bagi menghadapi cabaran-cabaran semasa dan yang akan datang.